

KHUTBAH JUMAAT

"MERAIH KEISTIMEWAAN LAILATUL QADAR" (29 Mac 2024M/ 18 Ramadan 1445H)

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ ذِي الْفَضْلِ وَالْإِنْعَامِ، فَضْلَ شَهْرِ رَمَضَانَ عَلَى
غَيْرِهِ مِنْ شُهُورِ الْعَامِ، خَصَّهُ بِمَزِيدٍ مِنَ الْفَضْلِ وَالْكَرَمِ وَالْإِنْعَامِ. أَشْهَدُ
أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّداً عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Iman dan takwa, menynari hati umpama pelita, menyemarakkan kebaikan dalam diri manusia, memimpin insan ke jalan yang direda, menghakis daripada sanubari sifat yang tercela, menyuburkan dalam hati kasih dan cinta, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di akhirat juga di dunia.

Justeru, marilah kita bersama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan, dengan menunaikan segala perintah Allah *subhanahu wata'ala* dan menjauhi semua tegahan. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Usahlah bercakap-cakap dan simpanlah telefon bimbit untuk seketika, agar pahala Jumaat kita perolehi dengan sempurna. Berilah perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Semoga dapat diambil daripadanya panduan dan pedoman.

Marilah kita panjatkan kesyukuran, kerana kita masih lagi dikurniakan nikmat menghirup udara Ramadan, bulan yang banyak menjanjikan ganjaran, bulan yang mendisiplinkan gerak laku dan perbuatan, bulan yang dikurniakan kepada kita satu malam yang lebih baik daripada seribu bulan iaitu Lailatul Qadar. Sehubungan dengan itu, khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk '***Meraih Keistimewaan Lailatul Qadar***'.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Alhamdulillah, hari ini kita berada pada hari ke-18 Ramadan. Bererti kita telah berada di ambang 10 hari terakhir Ramadan. Apakah kita berpuas hati dengan kualiti ibadah yang telah kita lakukan dalam 17 hari yang lalu? Adakah hari-hari yang berlalu itu telah meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*? Berbaki masa yang ada ini, masih ada kesempatan untuk kita menggandakan usaha memperbaiki setiap amal ibadah agar ia benar-benar membawa ketakwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala*.

Kita perlu sentiasa bersyukur kerana masih lagi diberi peluang untuk mengabdikan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita pada 10 malam terakhir Ramadan membolehkan kita memburu kelebihan yang dijanjikan dengan

malam al-Qadr (Lailatul Qadar). Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Qadar, ayat 1-5 yang bermaksud:

"Sesungguhnya Kami telah menurunkan (al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); Sejahtera lah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!"

Sebahagian besar ulama tafsir berpendapat bahawa penamaan Surah al-Qadr bagi menerangkan keutamaan dan tingginya kedudukan al-Quran, yang juga diturunkan pada malam yang sangat mulia. Dinamakan Lailatul Qadr kerana kedudukannya yang begitu agung dan mulia di sisi Allah *subhanahu wata'ala*. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Dukhaan ayat 3:

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةٍ مُّبَرَّكَةٍ إِنَّا كُنَّا مُنذِّرِينَ (٣)

Maksudnya: Sesungguhnya Kami telah menurunkan al-Quran itu pada malam yang berkat; (*Kami berbuat demikian*) kerana sesungguhnya Kami sentiasa memberi peringatan dan amaran (*jangan hamba-hamba Kami ditimpa azab*).

Imam al-Qurtubi *rahimahullah* mengatakan bahawa, “Allah *subhanahu wata'ala* mensifatkan malam ini dengan keberkatan kerana Dia menurunkan kepada hamba-hamba-Nya pelbagai berkat, kebaikan dan pahala pada malam yang mulia ini”.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Allah *subhanahu wata'ala* sengaja merahsiakan tarikh sebenar berlakunya Lailatul Qadr supaya ia menjadi pendorong kepada orang ramai untuk berusaha mencarinya dan melakukannya pada setiap masa. Sama juga dengan dirahsiakan waktu mustajabnya berdoa pada Hari Jumaat ini. Tujuannya, supaya kita tidak lekang dari berdoa, beristighfar dan bermunajat memohon kepada-Nya.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah menunjukkan betapa keberkatan malam al-Qadr tidak wajar dibiarkan berlalu begitu sahaja padahal Baginda *sallallahu alaihi wasallam* merupakan insan yang paling mulia, bahkan kekasih Allah *subhanahu wata'ala*. Baginda melakukannya dengan bersungguh-sungguh. Antara hadis yang menunjukkan kesungguhan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* ialah hadis daripada Aisyah *radiallahu anha*, beliau menceritakan:

((كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا دَخَلَ الْعَشْرَ أَخْبِيَ اللَّيْلَ وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ وَجَدَ وَشَدَّ الْمِئَرَ))

Maksudnya: Adapun Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* apabila tiba 10 hari terakhir (bulan Ramadan), Baginda *sallallahu alaihi wasallam* menghidupkan malam tersebut (dengan melakukan amal ibadah), membangunkan ahli rumahnya, meningkatkan kesungguhan dan mengikat kainnya.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Antara riwayat lain yang menunjukkan akan kesungguhan Baginda *sallallahu alaihi wasallam* ialah hadis yang diriwayatkan daripada

Aisyah *radiallahu anha*, beliau menceritakan bahawa:

((كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَجْتَهِدُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مَا لَا يَجْتَهِدُ فِي غَيْرِهِ))

Maksudnya: Adalah Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* berusaha sedaya upaya pada malam 10 akhir Ramadan melebihi usahanya daripada malam-malam yang lain.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Dalam hadis lain pula, Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* secara jelas menyeru kepada umatnya untuk berusaha mencari malam al-Qadr pada sepuluh malam terakhir melalui sabda baginda yang diriwayatkan Aisyah *radiallahu anha*:

((تَحَرَّفَتِ الْلَّيْلَةُ الْقَدْرُ فِي الْعَشْرِ الْأَوَاخِرِ مِنْ رَمَضَانَ))

Maksudnya: Carilah malam al-Qadr pada sepuluh malam terakhir dari bulan Ramadan.

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Disunatkan padanya untuk melakukan qiamullail, memperbanyak berdoa, beristighfar, dan bersedekah. Hal tersebut telah ditunjukkan oleh hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *radiallahu anhu*, beliau berkata: Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((مَنْ صَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ، وَمَنْ قَامَ لَيْلَةً الْقَدْرِ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا غُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنْبِهِ))

Maksudnya: Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka akan diberikan keampunan atas dosa-dosanya yang telah lalu, dan sesiapa melakukan ibadah pada malam al-Qadr dengan penuh keimanan dan mengharapkan pahala, maka akan diberikan keampunan atas dosa-dosanya yang telah lalu.

(*Hadis riwayat Imam al-Bukhari*)

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama menggandakan usaha dan amal ibadah pada 10 hari terakhir Ramadan ini bagi meraih keistimewaan dan kelebihan yang dijanjikan pada malam al-Qadr kerana peluang ini hanya dibuka pada Ramadan dan tidak terdapat pada bulan-bulan yang lain.

Maka, gunakan peluang dan kesempatan yang ada ini dengan bersungguh-sungguh memohon keampunan dan keredhaan Allah *subhanahu wata'ala*. Tunaikan solat secara berjemaah, bangun pada sepertiga malam untuk beribadah, memperbanyakkan membaca al-Quran, memperbanyakkan bersedekah dan sebagainya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* membimbing kita dengan hidayah dan taufiq-Nya untuk kita menjadi hamba-Nya yang bertakwa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting dari khutbah yang disampaikan.

Pertama : Rebutlah peluang keberadaan kita dalam sepuluh hari terakhir Ramadan untuk meningkatkan usaha melaksanakan amal ibadah sebanyak-banyaknya.

Kedua : Kita perlu sentiasa bersyukur kerana masih lagi diberi peluang untuk mengabdikan diri kepada Allah *subhanahu wata'ala* lebih-lebih lagi dengan keberadaan kita pada 10 terakhir Ramadan membolehkan kita memburu kelebihan yang dijanjikan dengan malam al-Qadr (Lailatul Qadr), malam yang lebih baik dari 1000 bulan.

Ketiga : Allah *subhanahu wata'ala* sengaja merahsiakan tarikh sebenar berlakunya Lailatul Qadr supaya ia menjadi pendorong kepada orang ramai untuk berusaha mencarinya dan melakukannya pada setiap masa.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam Surah al-Hadid, ayat 21 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
سَابِقُوا إِلَى مَغْفِرَةٍ مِنْ رَبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا كَعَرْضِ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ أُعِدَّتْ
لِلَّذِينَ ءامَنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ ذَلِكَ فَضْلُ اللَّهِ يُؤْتَيْهِ مَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ ذُو
الْفَضْلِ الْعَظِيمِ

Maksudnya : Berlumba-lumbalah kamu (mengerjakan amal-amal yang baik) untuk mendapat keampunan dari Tuhan kamu, dan mendapat Syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang yang beriman kepada Allah dan Rasul-

rasul-Nya; yang demikian ialah limpah kurnia Allah, diberikan-Nya kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya; dan Allah sememangnya mempunyai limpah kurnia yang besar.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاقُتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِتَّقُوا اللّٰهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan berbuka dan bersahur adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أَلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضِ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angkatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, Ya Allah.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتُنَا وَصِيَامُنَا وَقِيَامُنَا وَتَحْشِّعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعْبُدَنَا وَتَمِّمْ
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أَتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَدْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.